MSWG
MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP
Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad
Incorporated in Malaysia * Company No. 524898-M

The Observer

11.09.2015

## MESEJ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Pembangunan teknologi kewangan (juga dikenali sebagai 'FinTech', atau perisian perkhidmatan kewangan) merupakan pelancaran terkini di Simposium Pasaran Modal Dunia 2015 yang berlangsung di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Di sini saya ingin menekankan bahawa pembangunan agenda FinTech untuk Malaysia melangkaui peningkatan kecekapan operasi semata-mata.

Seperti yang dinyatakan oleh Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) Datuk Ranjit Singh, inisiatif ini, seperti juga platform penjanaan dana masyarakat bagi ekuiti (*crowdfunding*) yang dilancarkan pada tahun lepas, mempunyai implikasi yang lebih meluas, memandangkan ia mempunyai potensi untuk mengurangkan kebergantungan negara terhadap pasaran komoditi dan industri tenaga yang turun-naik.

Penjanaan dana masyarakat bagi ekuiti merupakan hanya salah satu daripada beberapa bahagian pertumbuhan di mana pasaran modal dan kewangan negara boleh memberikan tumpuan untuk dikembangkan. Bahagian-bahagian lain seperti perkhidmatan pinjaman perniagaan kecil, perbankan atas talian, pembiayaan khusus, platform pendanaan dan akses kelas aset juga merupakan antara beberapa bahagian lain yang boleh diterokai oleh Malaysia dengan lebih mendalam.

Oleh itu, pelancaran "Pakatan Komuniti FinTech" atau "aFINity@SC" oleh SC merupakan langkah pertama ke arah satu masa di mana kita mungkin dapat melihat pemimpin global di dalam arena ini.

aFINity@SC ditubuhkan dengan hasrat untuk mewujudkan jalinan di kalangan pihak berkepentingan fintech untuk mempercepatkan pertumbuhan dan inovasi dalam industri pasaran modal.

SC akan menyelaraskan usaha dengan pihak berkuasa lain untuk mencapai beberapa matlamat utama seperti meningkatkan kesedaran, membina hab untuk mengatur dan memupuk ekosistem *fintech*, dan menyediakan dasar dan peraturan yang jelas. Ini akan memberikan halatuju yang diperlukan dan jelas, mengenai apa yang boleh dilaksanakan dan sebaliknya.

Saya juga ingin menyebut mengenai pandangan Lord Paddy Ashdown, di mana saya tertarik dengan pandangan beliau mengenai keadaan geo-politik semasa dan ekonomi global yang pantas berubah dengan tadbir urus sebagai faktor pembeza.

Menyentuh perkara yang berasingan, saya mengambil perhatian mengenai peletakan jawatan Tan Sri Dr Abdul Samad Alias sebagai Ahli Lembaga Penasihat 1MDB pada 29 Julai 2015, yang menyatakan bahawa beliau tidak berpuas hati dengan aliran maklumat kepada beliau. Kami sentiasa menggalakkan supaya ahli lembaga sama ada di peringkat Penasihat atau Lembaga Pengarah utama, syarikat awam atau swasta, untuk memastikan bahawa kawalan dalaman dan proses tadbir urus dengan aliran maklumat yang sesuai dipraktikkan di dalam syarikat.

Rita

---

## Penganalisa MSWG


Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat, lyarahman@mswg.org.my
Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat rebecca.yap@mswg.org.my
Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat banaik.quah@mswg.org.my
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat norhisam@mswg.org.my
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat cheemeng@mswg.org.my
Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat, kinwing@mswg.org.my
Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat linnert.hoo@mswg.org.my
Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat khalidah@mswg.org.my
Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat vinodth.ram@mswg.org.my


---

***PENZAHIRAN KEPENTINGAN***

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini.*

---

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke mswg.ceo@mswg.org.my.

---


***PENOLAKAN TUNTUTAN***

*Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).*

*Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.*

*MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.*

*MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.*